

**Bil. S 31**

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN), 2012**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran.
  2. Pindaan bab 2 dari Penggal 39.
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN), 2012**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran.**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Syarikat (Pindaan), 2012.

**Pindaan bab 2 dari Penggal 39.**

2. Bab 2 dari Akta Syarikat adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan “memorandum” —

“ “Menteri” bermakna Menteri Kewangan;”;

(b) dengan memotong takrifan “Pendaftar” dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Pendaftar” bermakna Pendaftar Syarikat yang dilantik di bawah bab 288, dan termasuk mana-mana Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar;”.

Diperbuat pada hari ini 7 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 31 haribulan Januari, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**  
**PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**